

Kontroversi BI akan

11 AGOS 2002

MELAKA 20 Ogos — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin kontroversi pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah mulai tahun depan akan berakhir selepas pertemuan presiden 13 parti komponen Barisan Nasional (BN) dengan Perdana Menteri, tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keyakinan itu berdasarkan suasana perbincangan yang baik dan elok sepanjang pertemuan beliau dengan para pemimpin itu di Putrajaya, hari ini.

Abdullah yakin pertemuan pemimpin-pemimpin komponen BN itu dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad nanti akan memberi hasil yang baik dalam penyelesaian kontroversi itu daripada berlarutan.

“Perbincangan (pagi) tadi satu suasana yang baik dan elok. Tidak ada gaduh apa-apa walaupun Keng Yaik (Da-

tuk Seri Dr. Lim Keng Yaik) dan Kayveas (Datuk M. Kayveas) buat kenyataan, kita sama-sama jelaskan apa yang dimaksudkan.

“Saya harap perbincangan kemudian nanti apabila mereka jumpa Dr. Mahathir akan beri hasil yang baik,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya tarikh pertemuan dengan Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri berkata, ia akan ditetapkan oleh Perdana Menteri.

Abdullah mengulas hasil pertemuan beliau bagi membincangkan kontroversi mengenai perkara tersebut dengan para pemimpin komponen BN itu di pejabat Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya, pagi ini.

Pertemuan itu diadakan bagi mendapatkan semua pandangan daripada

semua parti komponen termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Cadangan kerajaan terhadap perkara itu sebelum ini mencetuskan pelbagai reaksi termasuk daripada Parti Gerakan yang menghantar daa'ar baru pendidikan itu.

Ekoran tindakan Parti Gerakan itu, Presiden Parti Progresif F'enduduk (PPP), Kayveas mendesak parti itu keluar daripada BN.

Diminta mengulas lanjut hasil pertemuan hari ini, Abdullah berkata, perkara itu akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada Dr. Mahathir kerana bagi beliau adalah tidak wajar ia diumumkan lebih awal dari itu.

“Semua pandangan mereka (pemimpin komponen BN) akan saya sampaikan kepada Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN dan juga Perdana Menteri.

“Paling awal pagi esok (jumpa Dr. Mahathir), kalau kerja habis hari ini,

berakhir — TPM

saya akan jumpa awal,” katanya ketika ditanya bila beliau akan menemui Dr. Mahathir bagi memaklumkan hasil pertemuan itu.

Abdullah menjelaskan, pertemuan hari ini turut mencapai kata sepakat di kalangan para pemimpin yang tidak lagi akan membuat sebarang kenyataan di media cetak dan elektronik berhubung perkara itu.

“Mereka sama-sama faham, saya bagi tau tak payah lagi buat apa-apa kenyataan (mengenai cadangan itu) kerana penyelesaian tidak akan ditemui dalam surat akhbar,” katanya.

Menurut beliau, percanggahan kenyataan oleh para pemimpin BN dalam media cetak dan elektronik mengenai perkara itu boleh menjadi asas kepada salah faham dan seterusnya mencetuskan kekeliruan.

“Apa pun sepanjang perbincangan semuanya (pemimpin komponen BN)

masing-masing faham, apa yang kita maksudkan (mengenai cadangan itu dan juga kenyataan akhbar),” katanya.

Di KLANG, Abdullah berkata, mesyuarat beliau dengan pemimpin komponen BN telah mencapai kata sepakat berhubung isu tersebut.

“Hasil perjumpaan hari ini, satu persepakatan telah dicapai di kalangan parti-parti komponen BN dan mereka meminta saya memaklumkan kepada Perdana Menteri.

“Terpulang kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenainya,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan terminal ketiga dan kren kelas super post panamax di Pelabuhan Utara di sini, hari ini.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang turut hadir pada majlis berkenaan, enggan mengulas mengenai persepakatan yang dinyatakan oleh Abdullah

Di ibu negara pula, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, parti komponen bersetuju menyerahkan kepada Abdullah bagi mengumumkan sebarang keputusan hasil daripada mesyuarat tersebut.

“Kami semua telah berjanji antara satu sama lain, bahawa apa-apa perkara mengenai isu tersebut, biarlah Timbalan Perdana Menteri sahaja yang mengumumkan,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pameran dan Konvensyen Persatuan Keluli Struktur Malaysia Ke-4 di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan di sini, hari ini.

Samy Vellu berkata, mesyuarat berjalan dengan baik dan mereka juga berhincang banyak perkara dengan Abdullah bagi mendapatkan keputusan yang benar-benar memuaskan semua pihak